

Head Office:
 Wisma MCIS, Jalan Barat,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

Postal Office:
 P.O. Box 345, Jalan Sultan,
 46916 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

T +603 7652 3388
 F +603 7957 1562
 E customerservice@mcis.my
 W www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan M-Fortune Link. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	M-Fortune Link
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

M-Fortune Link ialah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang menawarkan gabungan elemen perlindungan dan pelaburan kepada Hayat yang Diinsuranskan bersama dengan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi, di mana Polisi ini akan auto-disambungkan ketika Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya.

Pelan ini menyediakan perlindungan sekiranya berlaku Kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (KUMK) untuk Hayat yang Diinsuranskan. Di samping itu, Polisi ini juga menyediakan Manfaat Ihsan sebanyak RM5,000 dan Perlindungan Terjamin selama Tiga (3) Tahun dalam tempoh tiga (3) Tahun Polisi pertama.

Anda juga boleh melampirkan rider(-rider) penolakan unit untuk mempertingkatkan lagi perlindungan insurans anda.

Nilai Akaun pelan insurans berkaitan pelaburan bergantung kepada harga unit asas, yang seterusnya bergantung kepada prestasi dana(-dana) pilihan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan = RM 500,000

Tempoh Polisi¹ = 70 tahun

Tempoh Pembayaran Premium² = 70 tahun

- ¹ Tempoh Polisi yang ditunjukkan di sini akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya. Tempoh Polisi sebenar adalah sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya, dengan syarat Pemilik Polisi memilih untuk menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi. Jika Pemilik Polisi tidak menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi, Tempoh Polisi akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya.
- ² Tempoh Pembayaran Premium yang ditunjukkan di sini akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya. Tempoh Pembayaran Premium sebenar adalah sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya, dengan syarat Pemilik Polisi memilih untuk menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi. Jika Pemilik Polisi tidak menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi, Tempoh Pembayaran Premium akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya.

Dana yang Dipilih:

Jenis Dana	Dana MCIS Life AsiaPac	Dana MCIS Life Balanced	Dana MCIS Life Dividend	Dana MCIS Life Equity	Dana MCIS Life Global Yakin	Dana MCIS Life Income	Dana MCIS Life Jati	Dana MCIS Life Titan	Jumlah
Nisbah Dana Dipilih (%)	100%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	0%	100%

Sila rujuk kepada Lembaran Fakta Dana untuk maklumat lanjut mengenai dana(-dana) yang dipilih, termasuk aset asas, objektif dana-dana, strategi pelaburan dan prestasi dana.

Polisi ini melindungi:

Manfaat Kematian	100% Jumlah Asas Diinsuranskan (RM 500,000) atau Jumlah Asas Diinsuranskan dikurangkan jika Jumlah Asas Diinsuranskan telah dibayar di bawah rider/ manfaat TPD yang mempercepatkan Jumlah Asas Diinsuranskan Polisi ini; tambah Nilai Akaun ditolak sebarang hutang di bawah Polisi ini akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan.
Manfaat Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (KUMK)	100% Jumlah Asas Diinsuranskan (RM 500,000) ditolak sebarang hutang di bawah pelan ini akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus selepas enam (6) bulan dari tarikh diagnosis, apabila Hayat yang Diinsuranskan mengalami KUMK sebelum mencapai umur tujuh puluh lima (75) tahun. Manfaat KUMK maksimum yang perlu dibayar ialah RM 8,000,000 bagi setiap hayat di bawah Polisi ini dan semua polisi hayat lain yang dikeluarkan oleh Syarikat atau syarikat insurans lain atau pengendali takaful termasuk sebarang rider.
Manfaat Ihsan	RM5,000 akan dibayar sekali gus bersama dengan Manfaat Kematian apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan.
Perlindungan Terjamin selama Tiga (3) Tahun	Polisi Asas ini dan sebarang rider(-rider) yang dilampirkan bersamanya akan kekal berkuatkuasa jika Nilai Akaun tidak mencukupi untuk menanggung Caj Insurans dan Yuran Polisi dalam tempoh tiga (3) Tahun Polisi pertama dari tarikh kuatkuasa polisi, tertakluk kepada semua syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Semua premium perlu dibayar untuk Polisi ini termasuk Premium Tambah Nilai Berkala telah dibayar pada tarikh kena bayar atau dalam Tempoh Tangguh tiga puluh (30) hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan empat puluh lima (45) hari bagi kekerapan pembayaran premium lain dari tarikh perlu dibayar; dan (b) Tiada pengeluaran sebahagian Nilai Akaun dalam tempoh tiga (3) Tahun Polisi pertama; dan (c) Tiada sebarang pindaan dibuat oleh anda yang menyebabkan pengurangan Nilai Akaun sedia ada atau masa depan, berbanding dengan seolah-olah tiada sebarang perubahan kepada Polisi ini. Terma dan syarat penuh adalah dinyatakan dalam kontrak polisi.

Auto-Disambungkan Tempoh Polisi	<p>Polisi ini menyediakan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi di mana Polisi ini akan auto-disambungkan dari Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya seperti yang ditunjukkan di bawah Alternatif 2. Berdasarkan anggaran hasil masa hadapan kami, Polisi anda dijangka mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar Caj-caj Insurans dan Yuran Polisi sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya. Sebelum Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya, kami mungkin memohon kenaikan premium bagi memastikan Nilai Akaun adalah mencukupi untuk menampung Caj-caj Insurans dan Yuran Polisi sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya.</p> <p>Selain itu, anda boleh memilih untuk membayar premium yang ditunjukkan dalam Alternatif 3, di mana, berdasarkan anggaran hasil masa hadapan kami, Polisi anda dijangka mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar Caj-caj Insurans dan Yuran Polisi sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya.</p> <p>Jika anda tidak mahu meneruskan Polisi ini selepas Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya seperti yang ditunjukkan di bawah Alternatif 1, anda boleh memohon untuk mematangkan Polisi ini pada umur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya dengan memohon secara bertulis tiga puluh (30) hari sebelum Ulang Tahun Polisi di mana Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya. Polisi ini akan kemudian matang pada umur lapan puluh (80) tahun pada hari jadi berikutnya. Sebarang permohonan untuk mengubah tempoh perlindungan kembali kepada sehingga umur seratus (100) pada hari jadi berikutnya adalah tidak dibenarkan selepas Auto-Disambungkan Tempoh Polisi telah dinyahaktifkan seperti yang anda pilih.</p> <p>Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk alternatif-alternatif tersedia yang anda boleh pertimbangkan.</p>
Manfaat Matang	Apabila Hayat yang Diinsuranskan kekal hidup sehingga tarikh matang Polisi ini, Nilai Akaun ditolak sebarang hutang di bawah Polisi ini akan dibayar.

Alternatif-alternatif tersedia yang anda boleh pertimbangkan adalah ditunjukkan dalam jadual di bawah.

	Alternatif 1	Alternatif 2	Alternatif 3
Jangka Masa Tempoh Polisi	Perlindungan sehingga umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya	Perlindungan sehingga umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya + auto-sambungan sehingga umur 100 tahun pada hari jadi berikutnya	Perlindungan sehingga umur 100 tahun pada hari jadi berikutnya
Premium Tahunan yang Perlu Dibayar ³	RM 12,000.00 yang perlu dibayar dari umur 30 tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 79 tahun pada hari jadi berikutnya	RM 12,000.00 yang perlu dibayar dari umur 30 tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 79 tahun pada hari jadi berikutnya	RM 12,000 yang perlu dibayar dari umur 30 tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 99 tahun pada hari jadi berikutnya ⁴
		RM 12,000 yang perlu dibayar dari umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 99 tahun pada hari jadi berikutnya ⁴	

³ Ini ialah anggaran premium tahunan yang harus anda bayar di bawah alternatif-alternatif yang berbeza. Ia dikira berasaskan unjuran kemampuan.

⁴ Jika premium ini lebih tinggi daripada premium yang dibayar di bawah Alternatif 1, perbezaan di antara premium ini dengan premium di bawah Alternatif 1 akan menjadi Premium Tambah Nilai Berkala.

Peringatan: Sila baca keterangan jualan yang mengandungi manfaat-manfaat produk dan objektif dana-dana berkaitan pelaburan. Anda hendaklah memilih pelan atau kombinasi dana-dana yang menepati matlamat kewangan dan profil risiko anda.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- a) Premium yang perlu anda bayar dan terma-terma polisi mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad.
 - (i) Anggaran Premium Asas yang perlu anda bayar: RM 12,000.00 Tahunan
- b) Premium Asas merujuk kepada hasil jumlah Premium Berkala dan Premium Tambah Nilai Berkala (jika ada).
- c) Premium dan Caj-caj Insurans diilustrasikan di dalam Ilustrasi Produk dikenakan ke atas risiko piawai. Tempoh dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan.
- d) Anda boleh menambah nilai Premium Tambah Nilai Pelaburan pada bila-bila masa, tertakluk kepada nilai minimum RM100 dengan sebarang tambahan dalam gandaan seratus.
- e) Syarikat memperuntukan sebahagian daripada Premium Asas dan Premium Tambah Nilai Pelaburan (jika ada) untuk pembelian unit-unit dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda. Selagi terdapat Nilai Akaun yang mencukupi, Caj-caj Insurans dan yuran dan caj-caj lain akan ditolak pada setiap bulan tanpa mengira kekerapan premium supaya anda boleh terus menikmati perlindungan yang ditawarkan oleh Polisi Asas dan mana-mana rider(-rider) yang boleh dilampirkan.
- f) Sebarang jumlah tidak diperuntukan daripada Premium Asas dan Premium Tambah Nilai Pelaburan (jika ada) akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen/broker/penasihat kewangan dan perbelanjaan lain Syarikat.
- g) Kadar peruntukan adalah seperti berikut:

Premium Berkala

Tahun Polisi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10 dan atas
Premium Dibayar	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000	12,000
Premium Diperuntukkan	%	60.00%	60.00%	60.00%	80.00%	80.00%	80.00%	95.00%	95.00%	100.00%
	RM	7,200	7,200	7,200	9,600	9,600	9,600	11,400	11,400	12,000

Premium Tambah Nilai Berkala / Premium Tambah Nilai Pelaburan

Tahun Polisi	1	2 dan atas
Premium Dibayar	0.00	0.00
Premium Diperuntukkan	%	95%
	RM	0.00

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj-caj Insurans akan ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun untuk perlindungan yang disediakan bagi Polisi Asas dan rider(-rider) (jika ada). Caj-caj Insurans akan meningkat apabila Hayat yang Diinsuranskan semakin tua. Butiran Caj-caj Insurans dan caj-caj lain bagi produk ini disediakan dalam Ilustrasi Produk.

Caj-caj Insurans dan caj-caj lain adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa. Syarikat mempunyai hak untuk mengubah Caj-caj Insurans dan caj-caj lain dengan memberikan anda notis bertulis sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan pelan insurans berkaitan pelaburan anda dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima Polisi ini. Syarikat akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, Nilai Akaun dan sebarang Caj Insurans dan Yuran Polisi yang telah ditolak, tolak dengan sebarang bayaran perubatan yang ditanggung.
- Nilai Akaun - Nilai Akaun pelan insurans berkaitan pelaburan bergantung pada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Lebih tinggi tahap perlindungan insurans yang dipilih, lebih banyak unit akan diserap untuk membayar Caj-caj Insurans dan lebih sedikit unit akan dikenakan untuk mengumpul Nilai Akaun di bawah Polisi anda.
- Polisi Iput - Pelan insurans berkaitan pelaburan akan iput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Caj Insurans dan caj-caj lain. Ini tidak terpakai jika terma dan syarat Perlindungan Terjamin selama Tiga (3) Tahun dalam tempoh tiga (3) Tahun Polisi pertama dipenuhi.
- Cuti Premium - Jika anda tidak membayar premium, Caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi akan terus ditolak daripada Nilai Akaun. Polisi ini tidak akan dibatalkan akibat kegagalan membayar premium selagi Nilai Akaun mencukupi untuk menampung Caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi.
- Penamaan - Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi produk ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Prosedur Tuntutan - Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan daripada laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.
- Anda hendaklah membaca dan memahami pelan insurans dan berbincang dengan ejen anda atau menghubungi MCIS Insurance Berhad terus untuk maklumat lanjut.
- Jika anda bertukar Polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi polisi baharu atau oleh syarikat insurans baharu.
- Cukai Kerajaan Terpakai - Premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai terpakai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah Polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

- akibat bunuh diri sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Pengeluaran Polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian; atau
- akibat pertarungan atau kecederaan diri-sendiri yang disengajakan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Pengeluaran Polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian; atau
- akibat melakukan, percubaan melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang.

Polisi ini tidak melindungi sebarang Kehilangan Upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

- percubaan bunuh diri atau kecederaan diri-sendiri yang disengaja atau penyakit yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa perperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan atau semasa di bawah arahan untuk operasi seperti perperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- memasuki, mengendalikan atau menservis, menjadi penumpang, menaiki, atau menuruni sebarang peralatan atau pengangkutan udara kecuali semasa Hayat yang Diinsuranskan berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial dalam perjalanan penumpang berjadual tetap mengikut laluan penumpang sedia ada; atau
- jangkitan oportunistik atau neoplasma malignan jika pada masa Kehilangan Upaya, Hayat yang Diinsuranskan mengalami Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS).

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Pembelian pelan insurans berkaitan pelaburan premium berkala adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak dinasihatkan memegang Polisi ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika anda mendapat dana yang anda pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Tiada caj dikenakan untuk pertukaran dana-dana.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk butir-butir hubungan penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Insurans berkaitan Pelaburan'. Anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dileSENKEN di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis pelan yang serupa tersedia.

Sila tanya MCIS Insurance Berhad atau ejen anda untuk jenis pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET YANG DIPILIH, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA PERLU MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELEN BERKAITAN PELABURAN YANG ANDA PILIH SESUAI DENGAN KEPERLUAN RISIKO YANG SANGGUP ANDA TANGGUNG, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENAMBAH NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENAMBAH NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TAMBAH NILAI'. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada XXXX.